

23 JUN 1998

KUAN YEW TIDAK KATA DEMIKIAN, KATA KEDUTAAN SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia K. Kesavapany menjelaskan hari ini bahawa Menteri Kanan republik itu Lee Kuan Yew tidak pernah berkata bahawa Malaysia memerlukan lima tahun untuk pulih daripada kegawatan ekonominya.

Katanya pihak media telah memetik Lee sebagai berkata demikian dan soalan itu dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu persidangan berita selepas Perhimpunan Agung Umno Ahad lepas.

"Encik Lee tidak pernah membuat kenyataan itu. Beliau tidak bertanggungjawab terhadap sebarang laporan yang silap dalam akhbar," kata Kesavapany dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA

MAM MAI